

05/09/1997

Bersama perangi cetak rompak

Hardi Effendi Yaacob

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat keputusan untuk bekerjasama dengan Barisan Banteras Cetak Rompak (BBCR) ke arah memerangi gejala cetak harta benda intelek yang masih berleluasa di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub berkata, jalinan kerjasama itu merangkumi pelaksanaan program penguatkuasaan bersepadu bertujuan membanteras gejala berkenaan secara menyeluruh.

Menurutnya, langkah itu akan dijalankan secepat mungkin kerana ia dianggap semakin kritikal dan dikhuatiri mendatangkan banyak implikasi negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara jika dibiarkan.

"Apa yang saya lihat, kegiatan cetak rompak yang hampir berpuluh tahun membelenggu negara adalah masalah bersama dan bukannya masalah individu tertentu.

"Disebabkan itu, kita perlu bekerjasama dan menghapuskan sikap individualistik untuk memastikan usaha memerangi gejala itu menepati objektif dan sasaran ditetapkan," katanya.

Malah, kata Megat Junid, kementerian akan mempertingkatkan program penguatkuasaan ke arah membanteras gejala itu terutama sekitar Lembah Klang.

"Saya pernah dimaklumkan, negara kita mengalami kerugian hampir RM66.7 juta dalam aspek cukai korporat dan RM60.6 juta lagi untuk cukai hiburan," katanya pada Majlis Makan Malam dan pelancaran Logo Barisan Banteras Cetak Rompak (BBCR) di ibu negara, kelmarin.

Hadir sama Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Naib Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussien, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Md Nor Rahim dan Pengerusi BBCR, Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

BBCR ditubuhkan oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Pergerakan Pemuda Umno dan dianggotai Persatuan Penganjur Hiburan Secara Langsung Malaysia (Malep), Persatuan Rekod Malaysia (RIM), Persatuan Perlindungan Harta Benda Intelek (IPP), Persekutuan Perniagaan Perisian (BSA), Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) dan Majlis Muzik Malaysia (MMM).

Terdahulu, Kabinet memutuskan mesin dan teknologi tertentu yang berkaitan penghasilan harta benda intelek perlu mendapatkan pengesahan Miti sebelum diimpot ke negara ini.

Langkah itu bertujuan menghapuskan gejala cetak rompak dan mengurangkan nilai defisit imbalan perdagangan negara sebagaimana yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada pengamatan saya, keputusan Kabinet mengarahkan MITI mengawasi kemasukan mesin dan teknologi itu berupaya menjejaskan masa depan dan kegiatan lanun cetak rompak.

"Bukan itu saja, malah ia berupaya mengurangkan impot negara dan memastikan kempen 'Belilah Berangan Buatan Malaysia' menepati halatujunya," katanya.

Dalam perkembangan terbaru, tiga kilang percetakan harta benda intelek di Kuching, Johor Bharu dan Cheras diarah menghentikan operasi kerana tidak mendapatkan kelulusan kementerian itu dan MITI.

Selain itu, 26 syarikat percetakan harta benda intelek dikenalpasti dan hanya 12 sahaja yang berdaftar dengan Miti, manakala selebihnya tidak berbuat demikian.

(END)

